

11/03/2001

Pas main politik macam dubuk

Syed Akbar Ali

USAHA untuk mengadakan pertemuan perpaduan antara Umno dan Pas masih menjadi sandiwara bagi segolongan pemimpin Pas yang tidak mahu sebarang perjumpaan diadakan dengan Umno dalam suatu keadaan yang bersandarkan persaudaraan Islam atau persaudaraan Melayu.

Sebilangan pemimpin sampingan Pas memberi alasan menunggu kepulangan Presiden Pas, Fadzil Noor dari Makkah sebelum boleh diambil sebarang keputusan muktamad.

Tetapi Pas Terengganu pula di bawah pimpinan Haji Hadi Awang sudah mengambil tindakan untuk mulakan saman mahkamah mengenai isu bayaran royalti minyak.

Tindakan saman mahkamah ini sekali gus menghancurkan peluang untuk Pas bertemu Umno kerana sesudah isu royalti minyak dibawa ke mahkamah, maka tidak guna perkara ini dibincang lagi di luar mahkamah.

Tindakan saman mahkamah ini satu kemenangan bagi puak-puak dalam Pas yang menentang perjumpaan dengan Umno. Mereka juga tidak perlu menunggu kepulangan Fadzil dari Makkah.

Oleh itu, kenyataan terbaru Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa yang mahu tiga prasyaratnya dipenuhi terlebih dulu jika Umno mahu berunding dengannya adalah sandiwara juga. Ataupun, Nasharudin sendiri belum peka dengan taktik tindakan saman mahkamah yang diambil oleh Pas Terengganu.

Nasharudin berkata, mandat yang diberi kepadanya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pas ialah untuk berpegang kepada prasyarat yang sudah dikemukakan.

Sebenarnya, Pas sungguh ghairah dan gembira dengan cadangan pertemuan perpaduan Melayu ini kerana ia publisiti murah yang masih berterusan untuk Pas, berlanjutan daripada tindakan Pas mengeksploitasi kes Anwar Ibrahim.

Kita harus ingat, ketika surat Ummi Hafilda Ali yang menuduh Anwar mula disebar dengan luas beberapa tahun dulu, penceramah Pas terutama sekali Mat Sabu dan geng memaki dan mencaci Anwar Ibrahim dalam ceramah di kampung.

Tetapi apabila ramai orang Melayu meluahkan simpati terhadap Anwar sesudah dia dipecat dan tindakan mahkamah diambil atas beliau, Pas menukar taktik dan menjadi pembela nasib Anwar pula.

Pas hanya main politik haiwan dubuk yang hidup dengan makan bangkai orang lain. Sebelum ini, Pas juga cuba mengeksploitasi perpecahan antara Tengku Razaleigh dan Umno dan penubuhan Parti Melayu Semangat 46. Mereka tidak mempunyai agenda yang tersendiri atau rancangan yang baik untuk majukan orang Melayu dan negara Malaysia.

Wakil rakyat mereka masih boleh ditangkap berkhawat dan kemudian dilepaskan. Tabung Memali boleh bocor. Balu dan anak yatim masih dalam keadaan daif.

Dulu, apabila seorang rakyat Malaysia dipukul oleh seorang sultan, Pas tidak mahu sokong pindaan perlembagaan yang menyentuh kekebalan raja tetapi sekarang pula mereka hendak menyekat kuasa sultan kerana mereka tidak suka tindakan sultan menarik balik pingat diraja yang dianugerahkan kepada rakan mereka. Inilah wajah Pas yang sebenarnya.

Dalam bahasa Inggeris, ada satu ungkapan yang berkata barking up the wrong tree yang maksudnya, mengambil tindakan terhadap satu sasaran yang silap.

Sebenarnya isu perpaduan Melayu sudah bermula dengan pemecatan Anwar

Ibrahim dari Kabinet pada 1998 dan yang masih berterusan. Ia tidak ada kena mengena dengan Pas. Perpaduan Melayu sekarang sebenarnya terletak dalam tangan Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Keadilan, isteri Anwar Ibrahim dan bukan terletak pada pertemuan Umno-Pas.

Sebagai seorang isteri, Dr Wan Azizah lebih tahu kebenaran mengenai suaminya. Oleh itu, Dr Wan Azizah menanggung satu bebanan yang sungguh besar yang berupaya menyelamatkan atau menghancurkan negara kita. Sebilangan orang Melayu masih mengharapkan supaya Anwar akan dilepaskan daripada semua tuduhan yang dikenakan atas beliau dan kemudian diterima semula dalam Umno dan terus menjadi Perdana Menteri untuk menggantikan Dr Mahathir.

Dr Wan Azizah amat arif mengenai harapan penyokong Anwar Ibrahim ini tetapi yang lebih penting ialah beliau juga tahu dalam hati nuraninya, jika harapan yang sebegini besar tepat dan akan membawa manfaat bagi negara dan bangsa.

Maha Suci Allah memberi kita petunjuk: "Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegakkan keadilan, saksi-saksi untuk Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa kamu dan sanak saudara, sama ada orang itu kaya atau miskin; Allah paling dekat dengan keduanya. Kemudian janganlah mengikuti keinginan kamu supaya kamu tidak berbuat adil, kerana jika kamu memutarbelitkan, atau kamu memalingkan, maka sesungguhnya Allah menyedari apa yang kamu buat." Surah 4:135.

Maksudnya ialah kita mesti menegakkan keadilan dengan bersungguh-sungguh. Tidak kira terhadap ibu bapa atau sanak saudara kita sendiri, kita mesti menjadi saksi yang jujur dan adil.

Kita tidak boleh mengikut kehendak hati kita sendiri atau memutarbelitkan keadaan untuk mempertahankan ibu bapa dan sanak saudara sendiri. Inilah keadilan yang diajar oleh Allah dan Rasul-Nya.

Terpulanglah pada diri kita untuk percaya atau menolak ajaran Allah ini. Yang kita sudah lihat ialah Dr Wan Azizah membuat tuduhan pada satu waktu bahawa suaminya diracun arsenik ketika dalam penjara. Tuduhan ini kemudian didapati tidak benar dan Anwar masih menghadiri kes di mahkamah dalam keadaan sihat selepas ujian racun tidak menunjukkan kesan racun dalam tubuhnya. Dr Wan Azizah juga membuat tuduhan suaminya mungkin disuntik virus HIV.

Sebagai seorang doktor perubatan, Dr Wan Azizah sendiri faham tuduhan ini adalah paling liar tetapi beliau tetap membuat tuduhan itu juga. Apakah jembalang yang sebenarnya mendesak beliau kaitkan suaminya dengan jangkitan HIV pula? Hanya Dr Wan Azizah yang tahu hal sebenarnya.

Sekarang pula mengikut Dr Wan Azizah, suaminya menghidap sakit belakang sehingga boleh melumpuhkan dan hanya boleh dirawat oleh doktor pakar asing.

Sebelum ini, beliau mendesak supaya suaminya dibenarkan masuk ke sebuah hospital di luar negara untuk mendapat rawatan. Apabila permintaan itu tidak dibenarkan, beliau bercadang untuk membawa masuk seorang doktor asing untuk merawat suaminya.

Aneh sekali doktor asing itu masih tidak kelihatan. Rupanya sama seperti syarat Pas untuk bertemu dengan Umno, kehadiran doktor pakar asing itu juga tertakluk kepada beberapa syarat yang masih belum dipenuhi oleh pihak penjara dan hospital kerajaan. Dan baru-baru ini timbul pula kenyataan parti Keadilan supaya diadakan demonstrasi jalanan secara berterusan untuk tujuan tertentu.

Sebenarnya, yang sedang berlaku ialah ramai penyokong parti mereka sudah menjadi bosan dengan perjuangan parti itu yang makin lama makin jelas kekosongannya. Satu perhimpunan raksaksa yang dianjurkan oleh parti itu yang diberi gelaran Perhimpunan 100,000 Rakyat hampir tidak menjadi apabila hanya beberapa ribu orang yang datang hadir.

Penyokongnya menjadi bosan dan parti mereka kekurangan asas perjuangan kerana mereka sedang memperjuangkan hanya nasib seorang saja tanpa memahami fakta dan latar belakang orang itu dengan sepenuhnya.

Maka tuduhan racun arsenik, tuduhan jangkitan HIV, tuduhan sakit belakang yang boleh melumpuhkan, ancaman enam kotak dokumen rahsia dan sebagainya semuanya bertujuan menjadi oksigen penyelamat untuk perjuangan yang tidak mempunyai satu asas yang kukuh.

Ada banyak soalan yang akan menghantui Dr Wan Azizah untuk selamanya jika beliau tidak berlaku adil dan jujur untuk menjawab soalan yang timbul. Misalnya, suaminya Anwar sudah didapati salah oleh mahkamah atas tuduhan menggunakan kuasa polis untuk menangkap dan turnover seorang wanita bernama Ummi Hafilda Ali yang menulis sepucuk surat tentang hal peribadi Anwar Ibrahim.

Mengikut persaksian Anwar sendiri dalam mahkamah, beliau memberi arahan gempar sikit-sikit cukuplah kepada polis supaya Ummi Hafilda Ali akan menarik balik semua tuduhannya itu.

Apakah ini perbuatan seorang pejuang Islam dan seorang Timbalan Perdana Menteri yang bakal menerajui pimpinan negara?

Yang lebih aneh pula selepas Ummi Hafilda Ali diturnover dan dipaksa menandatangani surat pengakuan, beliau dilepaskan saja dan tidak didakwa atas sebarang tuduhan kesalahan.

Walaupun ramai orang Melayu tidak gemar menyentuh soalan seperti ini tetapi kian lama mereka akan memikirkannya semula juga. Maka pilihannya terletak dalam tangan Dr Wan Azizah.

Beliau boleh meneruskan perjuangannya untuk membela nasib dan nama si suami serta keluarganya. Walau apa pun tindakannya, perpaduan orang Melayu sangat bergantung kepada segala tindakan beliau.

Dr Wan Azizah harus juga faham, lama kelamaan segala kebenaran akan pasti muncul dengan jelas.

Jika kebenaran itu memihak kepadanya, sudah tentu beliau akan mendapat ganjaran dan kepuasan yang sewajarnya. Tetapi jika kebenaran itu tidak memihak kepadanya, apakah rancangan Dr Wan Azizah pada waktu itu?

(END)